



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 50

10hb Mei 2007

No. 10

---

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN  
IKTIKAD DAN KEPERCAYAAN AGAMA YANG  
BERTENTANGAN DENGAN AGAMA ISLAM  
(SUNNAH WALJAMA'AH) 2002

CONTROL AND RESTRICTION OF THE PROPAGATION  
OF RELIGIOUS DOCTRINE AND BELIEF WHICH IS CONTRARY  
TO THE RELIGION OF ISLAM (SUNNAH WALJAMA'AH)  
ENACTMENT 2002

**No. 26.**

PENETAPAN TARikh PERMULAAN KUAT KUASA  
APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 1 Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Iktikad Dan Kepercayaan Agama Yang Bertentangan Dengan Agama Islam (Sunnah Waljama'ah) 2002 [Enakmen Bil. 6 tahun 2002], Raja dalam Mesyuarat menetapkan 1 Januari 2007 sebagai tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen.

In exercise of powers conferred by section 1 of the Control And Restriction Of The Propagation of Religious Doctrine And Belief Which Is Contrary To The Religion of Islam (Sunnah Waljama'ah) Enactment 1 January 2007 as the date on which the Enactment comes into operation.

Bertarikh 13 April 2007  
Dated 13 April 2007  
[SUK.(Ps.) 05/069]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

No. 27.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mhd. Noor bin L. Daud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen \*257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual \*tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 29 Mei 2007 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM41,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Satu Ribu Sahaja).
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM25,948.83. Nama pemegang gadaian—Affin Bank Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM4,100.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Seratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

10hb Mei 2007]

63

- 
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 26 September 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot/Petak/P.T.—PT 1764. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 826. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 599/2004 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 5 April 2007  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1529(30A)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA